


BAB 6 : WANG DAN INSTITUSI KEWANGAN

SPM2004

- Encik Mat mempunyai deposit tetap berjumlah RM100 000 di Maybank Berhad.
Apakah fungsi wang dalam pernyataan itu?
 - Alat ukuran nilai
 - Alat bayaran tertunda
 - Alat simpanan nilai
 - Alat perantaraan pertukaran
- Apakah kemudahan yang disediakan oleh bank perdagangan bagi mengurangkan penggunaan tunai untuk pelbagai urusan dalam negara?
 - Cek
 - Cek kembara
 - Kad kredit
 - Kad juruwang elektronik
 - I, II, dan III
 - I, II, dan IV
 - I, III, dan IV
 - II, III, dan IV
- Rajah 4 menunjukkan maklumat berkaitan bank Z.



Bank Z ialah

- Bank Pusat
- Bank Saudagar
- Bank Perdagangan
- Bank Simpanan Nasional

- Maklumat berikut menunjukkan satu masalah yang harus diatasi.

Kerajaan dan pihak majikan dituntut menaikkan gaji para pekerja sebanyak 20% supaya kebajikan pekerja tidak terjejas. Kini sewa rumah telah pun meningkat 33% manakala harga purata ikan dan daging telah meningkat 25% sejak 14 bulan lalu. Pengusaha bas awam pula menaikkan tambang sebanyak 50%.

Apakah langkah yang sepatutnya diambil oleh kerajaan untuk mengatasi masalah itu?

- Mengurangkan perbelanjaan kerajaan
 - Mengurangkan kadar faedah
 - Meningkatkan kadar cukai pendapatan
 - Menggalakkan firma menambahkan pelaburan.
- I dan II
 - I dan III
 - II dan IV
 - III dan IV

SPM2005

- Antara berikut, yang manakah ciri-ciri wang?
 - Diyakini dan diterima umum
 - Mempunyai penawaran yang terhad
 - Menjadi alat simpanan nilai
 - Sebagai perantaraan pertukaran
 - I dan II
 - I dan IV
 - II dan III
 - III dan IV
- Antara berikut yang manakah menyebabkan wang berfungsi sebagai alat bayaran tertunda?
 - Tahan lama
 - Mudah dibawa
 - Kestabilan nilai
 - Diterima umum

3. Wang dapat mengatasi masalah kehendak serentak dalam Sistem Barter. Fungsi wang yang dimaksudkan ialah sebagai alat


- A. Ukuran nilai
- B. Penstabil nilai
- C. Bayaran tertunda
- D. Perantaraan pertukaran

4. Semasa inflasi, bank pusat akan mengetatkan syarat sewa beli. Apakah kesan tindakan tersebut kepada pengguna?

- I Kadar faedah yang rendah dikenakan pinjaman
- II Ansuran bulanan dibayar lebih tinggi
- III Wang pendahuluan dibayar lebih tinggi
- IV Ansuran dijelaskan dalam tempoh lebih panjang

- A. I dan III
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. II dan IV

5. Y dalam rajah 3 merujuk kepada tindakan yang diambil oleh kerajaan.



Apakah tindakan tersebut?

- I Menaikkan kadar faedah
- II Menambahkan kadar cukai
- III Menambahkan perbelanjaan kerajaan
- IV Menaikkan rizab tunai dan rizab berkanun

- A. I, II, dan III
- B. I, II, dan IV
- C. I, III, dan IV
- D. II, III, dan IV

SPM2006

1. Antara yang berikut, yang manakah menerangkan ciri deposit semasa?

- I Deposit semasa merupakan wang sah
- II Pendeposit akan diberikan kemudahan overdraf
- III Pengeluaran wang tertakluk kepada tempoh tertentu
- IV Jumlah simpanan minimum adalah lebih tinggi daripada deposit tabungan.

- A. I dan II
- B. I dan III
- C. II dan IV
- D. III dan IV

2. Berikut adalah maklumat tentang Encik Mahmud.

Encik Mahmud membeli sebuah rumah teres berharga RM200 000. Dia membayar pendahuluan sebanyak RM20 000 dan ansuran bulanan sebanyak RM1 000 selama 20 tahun.

Apakah fungsi wang yang berkaitan dengan maklumat tersebut?

- I Alat perantaraan pertukaran
- II Bayaran tertunda
- III Unit ukuran nilai
- IV Simpanan nilai

- A. I, II, dan III
- B. I, II, dan IV
- C. I, III, dan IV
- D. II, III, dan IV

3. Maklumat berikut berkaitan dengan sebuah institusi kewangan bukan bank.

- Premium ahli digunakan untuk membayar pampasan
- Ahli boleh membuat pinjaman

Namakan institusi kewangan itu.

- A. Syarikat Insurans
- B. Syarikat Kewangan
- C. Lembaga Tabung Haji (LTH)
- D. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)

4. Apakah tindakan yang boleh diambil oleh Bank Negara Malaysia untuk mengawal inflasi?

- I Mengetatkan syarat sewa beli
- II Menjual surat jaminan kerajaan
- III Menaikkan kadar faedah pinjaman
- IV Menurunkan kadar rizab tunai dan rizab berkanun

- A. I, II, dan III
- B. I, II, dan IV
- C. I, III, dan IV
- D. II, III, dan IV

4. Antara yang berikut, yang manakah kemudahan kepada pemegang akaun semasa?

- I Menerima kemudahan overdraf
- II Menerima buku akaun simpanan
- III Memperoleh kadar faedah yang tinggi
- IV Membuat pembayaran menggunakan cek

- A. I dan II
- B. II dan III
- C. III dan IV
- D. I dan IV

SPM2007

1. Antara yang berikut, yang manakah fungsi wang?

- I Diterima umum
- II Alat bayaran tertunda
- III Unit ukuran nilai
- IV Boleh dibahagikan kepada unit yang lebih kecil

- A. I dan II
- B. II dan III
- C. III dan IV
- D. I dan IV

2. Institusi kewangan yang menyediakan perkhidmatan menanggung jamin terbitan syer ialah

- A. Bank pusat
- B. Bank Islam
- C. Bank saudagar
- D. Bank perdagangan

3. Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis bank:

- Menyediakan kemudahan simpanan tabungan, semasa dan tetap
- Menyediakan kemudahan pinjaman

Bank yang menawarkan perkhidmatan tersebut ialah

- A. Bank pusat
- B. Bank saudagar
- C. Bank perdagangan
- D. Bank Simpanan Nasional

5. Antara yang berikut, yang manakah fungsi bank pusat?

- I Mengeluarkan mata wang
- II Menjadi jurubank kepada kerajaan
- III Menerima deposit daripada orang ramai
- IV Mengawal kestabilan nilai mata wang

- A. I, II, dan III
- B. I, II, dan IV
- C. I, III, dan IV
- D. II, III, dan IV

6. Perbualan berikut merujuk kepada satu masalah ketidakstabilan ekonomi yang dihadapi oleh sebuah negara.

Ashraf : Permintaan ke atas barangan menurun kerana masyarakat kurang berbelanja.

Ah Kow : Yalah, mereka kekurangan wang, yang menganggur pun semakin ramai.

Bagaimanakah bank pusat di negara tersebut mengatasi masalah itu?

- I Menurunkan nisbah rizab berkanun
- II Melonggarkan syarat sewa beli
- III Menjual surat jaminan kerajaan
- IV Menaikkan kadar faedah

- A. I dan II
- B. II dan III
- C. III dan IV
- D. I dan IV

SPM2008


1. Maklumat berikut berkaitan dengan satu kelemahan sistem barter.

Urus niaga secara kredit tidak dapat dijalankan dalam sistem barter.

Apakah fungsi wang yang dapat mengatasi kelemahan di atas?

- A. Alat ukuran nilai
- B. Alat simpanan nilai
- C. Alat bayaran tertunda
- D. Alat perantaraan pertukaran

2. Rajah 4 menunjukkan kesan suatu tindakan yang dijalankan oleh kerajaan.



Apakah tindakan tersebut?

- A. Menaikkan kadar faedah
- B. Meningkatkan kadar rizab tunai
- C. Meningkatkan kadar rizab berkanun
- D. Memanjangkan tempoh pembiayaan

3. Apakah fungsi institusi kewangan bukan bank kepada perkembangan ekonomi negara?

- A. Menerima simpanan semasa
- B. Menanggung jamin terbitan syer
- C. Menjadi jurubank kepada kerajaan
- D. Menyediakan sumber dana dalam negara

4. Pilih pasangan yang benar.

	Institusi Kewangan Bukan Bank	Cara Menerima Deposit
A	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	Caruman daripada pekerja dan majikan
B	Lembaga Tabung Haji	Simpanan daripada orang ramai
C	Bank Simpanan Nasional	Deposit tetap, deposit semasa dan deposit tabungan
D	Syarikat Insurans	Pampasan yang dibayar oleh pemegang polisi.